

Dr. M hurai hubungan DAP dgn perpaduan



DR. MAHATHIR

Sikap memilih pakar2 dokter dikesal

KUALA LUMPUR, Khamis — Timbalan Menteri Kesihatan Dr. Sulaiman Haji Daud petang ini menyesali sikap setengah rakyat yang memilih doktor untuk mendapatkan sesuatu rawatan.

Katanya, penduduk-penduduk di kampung kini tidak mahu mendapat rawatan dari pembantu kanan hospital, sebaliknya lebih inginkan rawatan dari doktor sendiri.

"Setengah penduduk bandar pula lebih berminat menghubungi doktor pakar dari doktor biasa," katanya ketika mengulung perbahasan peruntukan kementeriannya di Dewan Rakyat.

Beliau berkata, sikap sedemikian akan membekankan doktor-doktor pakar menjalankan tugas-tugas khususnya.

Dr. Sulaiman juga berkata, masalah kekurangan doktor perubatan tidak dapat diatasi menjelang 10 hingga 20 tahun lagi.

"Negara kini membangun dan banyak bandar-bandar baru yang memerlukan klinik. Ini akan memerlukan pertambahan perkhidmatan doktor," tambahnya.

Kesulitan

Beliau berkata, sehingga kini 290 doktor pakar dan 1,419 doktor am berkhidmat dengan Kerajaan.

Katanya, satu langkah berkesan sedang diambil untuk menambahkan bilangan doktor. "Ini termasuk pembinaan sebuah fakulti perubatan di Kelantan," katanya.

Menurut Dr. Sulaiman, negara kini dijangka mengeluarkan 240 doktor setahun berdasarkan dua fakulti perubatan di Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mengenai usaha mengambil doktor dari luar negeri, beliau berkata, langkah itu baik tapi terpaksa menghadapi beberapa kesulitan.

"Tidak semua doktor luar negeri itu boleh kita terima kerana pengiktirafan dari negara kita adalah perlu," katanya.

Beliau menjelaskan, Kerajaan juga menghadapi masalah dari segi gaji, bahasa dan pengalaman jika mengambil doktor-doktor dari luar negeri seperti Australia, Amerika Syarikat dan Eropah.

Dr. Sulaiman menjelaskan, kementeriannya sedang mengambil tindakan tegas mengawal penyakit gatal yang berlaku di Perak, baru-baru ini supaya tidak merebak ke tempat-tempat lain.

KUALA LUMPUR, Khamis — Perkauman tidak akan menjadi masalah dan kesederhanaan akan berkembang di kalangan semua bangsa di negara ini, sekiranya tidak kerana DAP, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, memberitahu Dewan Rakyat petang ini.

"Tanpa DAP, MCA tidak perlu berhati-hati dalam soal-soal yang chauvinistik dan UMNO tidak perlu bersikap kemelayuan yang ekstrim. Dengan perkataan lain, jika tidak kerana DAP, racialism tidak akan jadi masalah dan kesederhanaan akan berkembang di kalangan semua kaum," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan demikian sewaktu menjawab pertanyaan Encik Ting Chek Ming (DAP-Bruss), yang ingin tahu sama ada kaum China berpadu di bawah MCA, Melayu di dalam UMNO dan India di bawah naungan MIC, adalah perkauman.

Encik Ting juga bertanya sama ada perkara sedemikian merupakan isu sensitif yang boleh memusnahkan muhibbah antara kaum dan sama ada tindakan undang-undang akan dikenakan terhadap mereka yang bersikap seperti itu.

Sengaja

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata: "Saya merasa amat dukacita dan kesal dengan sikap parti pembangkang khususnya DAP yang masih tidak memahami atau sengaja tidak mahu memelihara melaikan walaupun telah berkali-kali saya menjawab soalan seperti itu di Dewan ini."

"Ahli Yang Berhormat itu masih tidak mahu menerima hakikat bahawa bukan seruan yang penting, tetapi amalan yang dibuat."

"DAP sendiri lebih memainkan politik perkauman yang lebih ketara jika dibandingkan dengan lain-lain parti."

"Jika MCA, MIC dan UMNO menyeru kepada perpaduan masing-masing kaum di dalamnya, ini ialah untuk memudahkan kaum-kaum ini bekerjasama dalam Barisan Nasional."

"Sementara itu, sementara DAP tidak menyeru kepada perpaduan kaum China di dalamnya, hakikatnya ialah parti DAP bukan sahaja merupakan parti chauvinistik China tetapi isu-isu yang dibangkit oleh DAP menyusahkan lagi perpaduan kaum dan menyekat kerjasama orang-orang China dengan kaum-kaum lain."

Menjawab soalan tambahan Wan Mohd. Najib Wan Nohamad (BN-Pasir putih), Timbalan Perdana Menteri menegaskan, Barisan Nasional memang penyelamat kepada masalah perkauman dan merupakan parti paling sesuai di Malaysia buat selamalamanya.

Ketika menafikan pendapat Encik Lee Lam Thee (DAP-Kuala Lumpur Bandar) bahawa UMNO, MCA dan MIC merupakan penghalang kepada integrasi kaum, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata:

"Malaysia terkenal ke seluruh dunia sejak merdeka sebagai sebuah negara yang mencapai kemajuan pesat dan stabil sekali. Kalau ketika ini terdapat perkauman berbangkit di negara ini, ia adalah kerana kegiatan DAP

semata-mata."

Selanjutnya beliau menyetujui pendapat Encik Alias Ali (BN-Ulu Trengganu) bahawa rakyat kini mulai menolak fahaman perkauman sempit yang diperjuangkan oleh DAP. Contohnya ialah kemenangan Barisan Nasional di pilihanraya kecil Pengkalan Kota baru-baru ini.

Sewaktu menjawab soalan lain dari Encik Mohd. Nakhale Haji Ahmad (PAS-Baling), Timbalan Perdana Menteri berkata: "Jika PAS tidak suka Kerajaan membelanjakan wang untuk rakyat di mana-mana waktu, PAS harus beritahu rakyat bahawa PAS tidak suka Kerajaan membantunya rakyat dan jangan jadikan perkara ini bahan politik."

Encik Mohd. Nakhale bertanya sama ada Kerajaan bercadang menghentikan amalan menggerakkan jentera-jenteranya untuk membantu calon-calon UMNO di dalam pilihanraya seperti yang berlaku di tahun-tahun lalu, khususnya di pilihanraya kecil Kuala Besut, Trengganu.

Datuk Seri Dr. Mahathir menjawab:

"Suka saya jelaskan di sini bahawa Kerajaan sentiasa menggerakkan jentera-jentera pentadbirannya baik sebelum diadakan sesuatu pilihanraya, selepas pilihanraya ataupun pada masa tidak ada pilihanraya."

Merujuk kepada pilihanraya kecil Kuala Besut, Timbalan Perdana Menteri menjelaskan, penubuhan stesen Petronas di kawasan berkenaan secara kebetulan bertembong dengan masa pilihanraya kawasan itu yang menghadapi masalah kekurangan diesel.

Jika stesen itu tidak ditubuhkan, katanya, maka sudah tentu ini akan menjadi bahan kempen Parti PAS.

Mengenai masalah gaji kakitangan awam yang ditimbulkan oleh Encik Karpal Singh (DAP-Jelutong), Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, menerusi susunan gaji baru itu kenaikan bagi golongan rendah adalah lebih tinggi peratusnya dari yang berpangkat tinggi.

Tetapi oleh kerana gaji asasnya kumpulan A hingga G adalah tinggi, maka kenaikan secara "absolute" tentulah menjadi tinggi.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia